

# Berita KUKUM

## TUNTUT PELAJAR FOKUS DIRI

Para Pelajar Baru Sidang Akademik 2005/2006 KUKUM diminta untuk menumpukan sepenuh perhatian mereka kepada pelajaran dengan berusaha penuh gigih tanpa berputus harap dan tidak mensia-siakan peluang belajar di universiti ini, demikian menurut Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM ketika berucap di Majlis Sambutan Siswa-Siswi di Dewan Warisan, Kangar pada 6 Julai 2005 lalu.

Prof. Dato' Dr. Kamarudin berkata, para pelajar harus berasa syukur kerana telah diterima masuk belajar di universiti ini. Persaingan di antara setiap pelajar untuk merebut tempat memasuki pusat pengajian tinggi sangat sengit. Ada pelajar yang kurang bernalih baik langsung tidak mendapat tempat walaupun mereka telah lulus dengan cemerlang di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia.

Beliau juga menegaskan, setiap pelajar baru harus mempunyai inisiatif untuk mengulang kaji pelajaran. Bersikap kendiri dalam mencari bahan rujukan apabila diberi tugas oleh para pensyarah dan berdisiplin tinggi dalam menguruskan kehidupan harian. Mereka tidak boleh lagi bergantung kepada pensyarah atau ibu bapa dalam menyediakan apa-apa keperluan harian mereka seperti mana dahulu. Budaya 'spoon feed' ini katanya harus dielakkan bila sudah bergelar mahasiswa dan mahasiswi.

Beberapa nilai diri yang perlu diikuti oleh mereka antara lain ialah seperti bersikap cinta kepada ilmu pengetahuan, berfikir dan bijak membuat keputusan berdasarkan fakta, berkemampuan untuk berbincang, berdebat dan berkomunikasi dengan baik, rajin membaca dan menerokai sumber-sumber baru ilmu bukan sahaja buku tetapi siber, melihat sesuatu isu dengan perasaan terbuka, tidak mudah dipengaruhi orang lain, bersikap emosional dan mengekalkan jatidiri sebagai bangsa Malaysia.

### Kompromi

Sementara itu Prof. Dato' Dr. Kamarudin juga menegaskan para pelajar harus mematuhi segala peraturan yang terdapat di universiti. Peraturan yang dibuat bukan bertujuan untuk menyekat kebebasan dan privasi tetapi dibuat bagi mendisiplinkan diri pelajar supaya segala sistem dapat berfungsi dengan penuh efisien dan tidak menyukarkan mana-mana pihak.

Para pelajar juga diseru untuk menggunakan kemudahan yang terdapat di universiti ini dengan penuh hemat dan tanggungjawab. Sikap mementingkan diri sendiri dan menyalahgunakan kemudahan dan prasarana yang terdapat di kolej-kolej kediaman harus dihindarkan. Pihak universiti tidak akan berkompromi dalam perkara-perkara yang membabitkan disiplin diri para pelajar.

Amaran akan dikeluarkan baik secara lisan maupun tulisan. Pihak universiti tidak akan teragak-agak menggantung pengajian mereka andai kesalahan yang dilakukan tersebut amat serius sehingga boleh mencemar nama baik dan imej universiti seperti kegiatan penyalahgunaan dadah, mencuri, kegiatan lumba haram dan sebagainya.

Para pelajar baru seramai 708 orang itu juga disarankan untuk menjalankan hubungan yang erat dan saling hormat-menghormati serta tolong-menolong di antara satu sama lain tanpa mengira latar belakang agama, bangsa dan keturunan. Beliau dengan tegas mahu setiap pelajar mengambil kesempatan mengenali budaya dan adat resam kaum lain kerana ia dapat membendung sikap pesimistik dan prejudis perkauman.

